

Bekas Perdana Menteri selesai bayar ikat jamin RM1 juta

BH - 30/7/2020 m/s: 5

Kuala Lumpur: Sehari selepas didapati bersalah atas tujuh tuduhan membabitkan SRC International Sdn Bhd oleh Mahkamah Tinggi, Datuk Seri Najib Razak, semalam, hadir sekali lagi untuk membayar ikat jamin RM1 juta.

Bekas Perdana Menteri itu hadir pada jam 1 tengah hari ditemani anak lelakinya, Norashman, selaku penjamin.

Kira-kira setengah jam kemudian, Najib dilihat keluar dari kaunter Pendaftaran Jenayah

Mahkamah Tinggi selepas selesai membayar ikat jamin.

Sebelum beredar meninggalkan pekarangan mahkamah, Najib sempat berseloroh kepada petugas media yang menunggu dengan berkata: "Semalam (kelmarin)

dah banyak gambar".

Najib kemudian beredar dari mahkamah dengan menaiki kereta Proton Perdana.

Najib, 67, membayar ikat jamin RM1 juta itu selepas mahkamah membenarkan permohonan pem-

belaan untuk menangguhkan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Rayuan.

Mahkamah turut memerintahkan Najib melaporkan diri di balai polis berdekatan dua kali sebulan.